

26 JAN 2001

Syed Hamid-Bahrain

PERDANA MENTERI BAHRAIN TIBA PADA ISNIN BAGI LAWATAN TIGA HARI

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Bahrain Shaikh Khalifa bin Salman Al Khalifa akan tiba di sini pada Isnin bagi lawatan rasmi tiga hari.

Sempena lawatan itu, kedua-dua negara dijadual akan menandatangani Memorandum Persefahaman bagi penubuhan Suruhanjaya Bersama yang akan membuka laluan bagi meningkatkan kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini memberitahu pemberita bahawa Shaikh Khalifa akan diringi oleh delegasi 55 anggota termasuk empat menteri pada lawatan itu.

Lawatan itu adalah atas jemputan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai balasan kepada lawatan Dr Mahathir ke Bahrain pada 1997.

"Lawatan itu akan menyediakan peluang bagi kedua-dua Perdana Menteri untuk memperbaharui hubungan peribadi mereka.

"Kedua-dua Perdana Menteri akan mengetuai delegasi masing-masing bagi membincangkan cara-cara untuk meningkatkan kerjasama dua hala antara kedua-dua negara ini," katanya.

Kedua-dua Perdana Menteri juga dijangka akan membincangkan isu-isu serantau dan antarabangsa.

Menurut Syed Hamid, Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Dr Mahathir akan menganjurkan jamuan malam bagi meraikan Perdana Menteri Bahrain itu.

Shaikh Khalifa juga akan dikurniakan Darjah Kehormat Seri Maharaja Mangku Negara (SMN), yang membawa gelaran Tun, oleh Yang di-Pertuan Agong.

Beliau juga akan dianugerahkan ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Sains Politik oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Bahrain merupakan sebuah negara terdiri gugusan pulau yang terletak di Teluk Arab di pantai timur Arab Saudi.

Digelar "Pearl of the Arabian Gulf", Bahrain mempunyai sejarah tamadun lebih 5,000 tahun, di bawah pemerintahan kerajaan yang stabil dan makmur.

Manama ialah ibu negara Bahrain.

-- BERNAMA

AFY HS RHM